

# PRE-EXAM SERIES

## PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN EMPAT DAN LIMA

SIRI INI AKAN MENGANDUNGI SEJUMLAH MODUL SOALAN LATIH TUBI DAN ULANG KAJI BERBENTUK STRUKTUR. KESEMUA MODUL AKAN DIMUATNAIK SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT. CADANGAN JAWAPAN DAN SKEMA PEMARKAHAN JUGA DISEDIAKAN JIKA DIANGGAP PERLU.

## -[MODUL 3]-

25 MEI, 2007, JUMAAT  
SPECIAL HARDCORE EDITION!

SATU LAGI USAHA MEMBANTU PELAJAR  
MERANCANG PERSEDIAAN MENGHADAPI  
**PEPERIKSAAN DALAMAN  
DAN SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA  
2007**

### Ringkasan tentang saya:

Blogger/author : Rithuwan Bin Nasir

Nick : sifu2b

Komen : blog saya tertumpu kepada isu-isu dan perkongsian idea dan informasi berkaitan mata pelajaran Prinsip Perakaunan SPM dan pandangan peribadi.

### Notes for my fellow friends/teachers/students (if you use this file):

Please do not remove/delete my name as the contributor and my URI/URL on all pages that you've printed out. Thank you. Share among your friends or among your students if you wish. This online service is free of charge, provided you honor my rights. I'm glad to help all of you. Why? For the love of the profession.

### AUTHOR'S RIGHTS:

ADALAH DIPERAKUKAN BAHAWA SEMUA SOALAN DAN JAWAPAN DALAM SIRI INI ADALAH TULISAN ASAL PENULIS/ PEMILIK. SEMUA TERBITAN DALAM SIRI INI ADALAH HAK CIPTA (c) RITHUWAN NASIR, 2004-2007. HANYA SAYA MEMPUYAI HAK UNTUK MEMUTUSKAN PENERBITAN SEMULA DALAM BENTUK MEDIA LAIN SEPERTI BUKU, CDROM DAN LAIN-LAIN MEDIA EDARAN, APABILA DIFIKIRKAN PERLU. NAMUN BEGITU, PENGGUNAAN ONLINE MELALUI BLOG INI ADALAH PERCUMA.

# SOALAN EDISI KHAS (hardcore version)

## Soalan - (Selalunya soalan No.2 Kertas 2 PAK SPM)

Sinatra ialah pemilik Perniagaan Cabarmania, telah menjalankan perniagaan di Bandaraya Kota Kinabalu.

Imbangan Duga perniagaannya pada akhir tempoh perakaunan 31 Disember 2007 ialah seperti berikut:

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Modal		36 660
Perabot	12 000	
Alat Pejabat	15 500	
Penghutang	8 340	
Pemiutang		6 790
Stok, 1 Januari 2006	5 640	
Tunai	340	
Bank	4 900	
Jualan		50 210
Belian	22 050	
Pulangan Jualan	230	
Sewa Premis	13 200	
Gaji	6 500	
Belanja am	800	
Insurans	4 510	
kadar bayaran	1 200	
Peruntukan susut nilai Alat Pejabat		1 550
	<u>95 210</u>	<u>95 210</u>

### Maklumat Tambahan

- (i) Insurans perlu dibayar ialah RM410 setiap bulan sepanjang tahun.
- (ii) Gaji pekerja ialah RM500 sebulan.
- (lii) Alat Pejabat disusut nilai pada kadar 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Perabot disusut nilai pada kadar 12% mengikut kaedah kadar tetap.
- (v) Sewa premis untuk bulan Disember sebanyak RM1200 belum dilunaskan.
- (vi) Pemilik menetapkan seorang penghutang dianggap hutang lapuk dengan nilai RM340.
- (vii) Peruntukan hutang ragu bagi tahun ini ditetapkan 5%.
- (viii) Diskaun diterima sejumlah RM425 dari tiga orang pemiutang terlupa dicatat dalam mana-mana buku.
- (ix) Mengambil wang RM1200 untuk kegunaan keluarga terlupa dicatat dalam mana-mana buku.
- (x) Pemilik mengeluarkan barang niaga RM280 untuk tujuan promosi belum dicatat dalam mana-mana buku.
- (xi) Stok 31 Disember 2006 ialah RM6780 pada harga kos, dan RM7910 pada harga pasaran.

Anda dikehendaki menyediakan lembaran kerja 10 lajur bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.  
[28 markah]

### SESUAI UNTUK PELAJAR YANG INGIN MENGUJI KECEKAPAN DIRI SENDIRI!!!

nota : Soalan ini bukanlah standard SPM. Sifu sengaja menambahkan maklumat tambahan di atas agar pelajar dapat merasai hampir kesemua bentuk soalan yang mungkin ditanya dalam SPM. Namun begitu, maklumat ke-8 hingga ke-10 adalah tambahan yang dimaksudkan. Untuk soalan Lembaran Kerja, hanya 5-6 maklumat tambahan yang akan ditanya, selalunya mesti melibatkan hasil atau belanja terakru, hasil atau belanja terdahulu, peruntukan susut nilai dan peruntukan hutang ragu. Selain dari itu, pelarasan hutang ragu mungkin ditanya, selain dari hutang lapuk.